

**Soalan-soalan Lazim (FAQs) Yang Anda Perlu Tahu Mengenai
Program Penangguhan Kemudahan Sewa Beli/Hire Purchase-i (“HP/HP-i”)**
(Versi Mei 29, 2020)

No	Soalan	Jawapan
1	Adakah penyertaan Program Penangguhan HP/HP-i ini secara automatik? Atau saya perlu memohon untuk menyertainya?	<p>Peminjam/pelanggan akan terus menikmati Program Penangguhan HP/HP-i ini tetapi mesti melengkapkan proses persetujuan yang mudah supaya kami boleh menyelaraskan moratorium yang telah dilaksanakan.</p> <p>Anda boleh terus menyertai program moratorium dengan langkah-langkah mudah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Anda akan menerima satu SMS berkenaan hal ini daripada kami mulai 8 Mei 2020. Anda juga akan menerima kod unik 6-digit khas untuk anda gunakan bagi mengisi borang web mengesahkan penyertaan Program Penangguhan HP/HP-i. 2) Setelah anda menerima SMS tersebut, masuk ke laman web kami di www.hlb.com.my/hpd untuk mengisi borang web dan menerima terma Program Penangguhan HP/HP-i selewat-lewatnya 30 September 2020.
2.	Mengapakah saya masih perlu memohon untuk menyertai program penangguhan ini walaupun kerajaan telahpun mengumum bahawa tiada tunggakan faedah/keuntungan yang akan dikenakan ke atas ansuran tertangguh saya?	Apabila BNM mengumumkan tentang program Moratorium ini pada 24 Mac 2020 yang lalu, program ini bertujuan untuk memberi bantuan aliran tunai yang segera bagi individu dan perniagaan-perniagaan yang terjejas oleh wabak COVID-19 untuk jangka masa 6 bulan dari April 2020 hingga September 2020. Dalam keadaan yang tergesa-gesa untuk memastikan semua pelanggan Bank dapat menikmati program moratorium ini secara automatik, kami telahpun berbuat demikian. Namun, seperti yang tertera di bawah Akta Sewa Beli 1967, kami perlu mendapatkan persetujuan daripada anda untuk menyelaraskan proses penangguhan ini.
3	Apakah yang akan terjadi kepada ansuran bulan April dan Mei jika saya tidak bersetuju dengan penerusan 6-bulan moratorium ini?	<p>Jika anda tidak ingin meneruskan penyertaan anda di dalam program moratorium 6 bulan ini, anda mesti meneruskan pembayaran ansuran bulan Jun pada tarikh akhir yang ditetapkan dan terus membayar ansuran bulanan seperti biasa.</p> <p>Ansuran bulan April dan Mei yang tertangguh mesti dibayar sebelum 30 September supaya anda dapat elakkan akaun anda tertunggak bermula dari Oktober 2020 yang kemudian akan dicaj dengan caj lewat bayar/pampasan (bermula dari bulan Oktober dan seterusnya) dan rekod CCRIS anda akan terjejas.</p> <p>Jika anda tidak mampu membuat bayaran penuh, sila bayar dalam amaun yang sedikit setiap bulan antara bulan Jun 2020 dan September 2020 supaya anda boleh</p>

No	Soalan	Jawapan
		<p>melangsaikan dua ansuran yang tertangguh itu sebelum 1 Oktober 2020.</p> <p>Kami di sini bersedia membantu jika anda mempunyai kesulitan melangsaikan ansuran tertangguh anda sebelum 1 Oktober 2020. Sila hubungi kami di:</p> <p>No. Telefon: +603 7959 1888 Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my</p> <p>Untuk berbincang mengenai situasi anda.</p>
4	Adakah saya perlu membayar faedah/keuntungan ke atas ansuran tertangguh?	Tidak, semasa tempoh moratorium 6 bulan, tiada faedah/keuntungan yang akan dikenakan ke atas Ansuran Tertangguh.
5	Jika saya memilih untuk meneruskan moratorium ini, tetapi saya tidak mampu membayar ansuran tertangguh selama 6 bulan itu sekaligus pada akhir tempoh penangguhan, adakah ia akan menjelaskan rekod CCRIS saya dan/atau menyebabkan tindakan undang-undang/tindakan penarikan kenderaan diambil ke atas saya?	Tidak. Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas dan tiada tindakan undang-undang atau tindakan penarikan kenderaan akan diambil ke atas anda, asalkan anda sambung membuat pembayaran ansuran anda mulai Oktober 2020 pada masa yang telah ditetapkan.
6	Saya mahu sambung membuat pembayaran pinjaman saya. Apakah yang harus saya lakukan?	<p>Sila sambung membuat pembayaran ansuran bulanan seperti biasa pada masa yang telah ditetapkan.</p> <p>Sekiranya anda belum mempunyai Arahan Tetap (SI) untuk ansuran pinjaman/pembiayaan anda dan anda ingin menetapkan SI ini, sila hubungi kami.</p>
7	Adakah tempoh kemudahan HP/HP-i saya dilanjutkan secara automatik selepas Tempoh Penangguhan?	Ya. kemudahan HP/HP-i anda akan dilanjutkan secara automatic selama 6 bulan.
8	Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya saya memerlukan bantuan selepas tempoh moratorium?	<p>Sila hubungi pihak Bank kerana kami sedia membantu.</p> <p>No. Telefon: 603-7959 1888 Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my</p> <p>Kami akan membantu anda untuk membuat penjadualan semula dan mengemaskinikan struktur pinjaman/pembiayaan anda mengikut keperluan anda.</p>
9	Apakah yang akan berlaku sekiranya saya mempunyai Arahan Tetap (SI) sebelum moratorium, selepas saya membuat keputusan?	<p>Jika anda memilih untuk tidak menyertai program penangguhan, kami akan melaksanakan kembali Arahan Tetap (SI) anda mulai 1 Oktober 2020.</p> <p>Sila pastikan arahan perbankan anda membenarkan kami untuk mengangkat arahan ini bagi ansuran bulan April dan Mei. Jika anda tidak pasti, sila hubungi kami di:</p>

No	Soalan	Jawapan
		<p>No. Telefon: 603-7626 8899 Emel: HLonline@hlbb.hongleong.com.my</p> <p>Jika anda telah menetapkan SI anda di HL Connect, ia akan terus dilaksanakan. Sila pastikan anda membuat pembayaran untuk ansuran April dan Mei melalui saluran dalam talian dari sekarang sehingga September 2020 supaya anda boleh menyelaraskan kembali kedua-dua ansuran bulanan tersebut.</p> <p>Jika SI anda ditetapkan dengan bank lain, sila maklumkan bank tersebut untuk menetapkan semua SI anda dan pastikan SI anda termasuk bayaran ansuran bulan April dan Mei 2020.</p>

Anda boleh menghubungi kami untuk membincangkan item-item di atas melalui butiran hubungan yang disediakan di bawah ini:

1. **Untuk pertanyaan umum mengenai Program Penangguhan Pinjaman/Pembiayaan-i HLB/HLIB:**
 HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, sehingga tamat tempoh PKP)
 Emel: HLonline@hlbb.hongleong.com.my
2. **Untuk Bantuan Khas Bank Negara Malaysia buat Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) yang Terjejas oleh COVID-19:**
 HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, sehingga tamat tempoh PKP)
 Emel: sme@hlbb.hongleong.com.my
3. **Untuk permintaan mengurangkan amaun bayaran ansuran anda yang perlu dibayar selepas tempoh Moratorium:**
 HLB Customer Collections: 603-7959 1888 (8.45am – 5.45pm, Isnin-Jumaat)
 Emel: CollsCustomerFeedback@hlbb.hongleong.com.my
4. **Untuk permintaan bagi mengekalkan amaun pembayaran/bayaran sepanjang tempoh Moratorium:**
 HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu, sehingga tamat tempoh PKP)
 Email: HLonline@hlbb.hongleong.com.my